

05 NOV 1996

Mahathir-G15

SIDANG KEMUNCAK HARARE BERI NAFAS BARU KEPADA G-15, KATA PM

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 5 Nov (Bernama) -- Sidang kemuncaknya yang keenam yang berakhir di sini telah memberikan nafas baru kepada Kumpulan 15 negara membangun (G-15), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata ini kerana negara-negara anggota telah menunjukkan komitmen tinggi mereka kepada pertubuhan itu semasa sidang tiga hari di sini.

"Mereka telah memperbaharui komitmen, dan Jamaica telah menyatakan hasrat untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak (selepas Kuala Lumpur pada 1997)," katanya di sidang akhbar yang dihadiri wartawan Malaysia sebelum berakhirnya sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berlepas ke French Guinea untuk lawatan julung kali ke negara di bahagian tengah Afrika Barat itu.

"Ia merupakan satu pertemuan yang berfaedah.. kita bercakap dengan terus terang mengenai pelbagai isu semasa perentian," katanya.

Dr Mahathir, bersama-sama pemimpin lain kecuali Presiden Mesir, Hosni Mubarak bermalam di pusat peranginan di Elephant Hill, Victoria Falls, kira-kira 800km ke barat sini semasa perentian. Mereka pulang ke Harare pagi ini bagi menghadiri upacara penutup sidang.

Dr Mahathir juga berkata Kenya telah diterima sebagai anggota G-15 dan beliau telah diberi tugas oleh pemimpin lain untuk memastikan Kenya hadir di sidang akan datang di Kuala Lumpur.

Katanya, apa yang mereka mahu ialah anggota-anggota yang komited atau berkualiti sementara keanggotaan penuh pertubuhan itu tidak perlu terlalu besar atau terlalu kecil.

Menurutnya semasa perentian, para pemimpin telah menumpukan perbincangan mereka kepada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura bulan depan kerana "kami bimbang mengenai adanya percubaan untuk membawa masuk isu-isu lain seperti rasuah, hak pekerja, dan alam sekitar" ke dalam pertubuhan itu.

"Kita adalah tegas untuk menolak sebarang percubaan seperti itu," tambahnya.

Ditanya bagaimana G-15 atau negara-negara membangun lain dapat menghalang undang-undang luar wilayah yang dikuatkuasakan oleh sesebuah negara, beliau berkata tindakan sehalu itu ditentang oleh sesetengah negara maju.

"Oleh itu, jika kita kekal bersatu menentangnya, kuasa-kuasa besar tidak boleh buat apa-apa. Sebab itulah kita pastikan untuk memberikan penekanan mengenai perkara ini," katanya.

Beliau berkata mereka akan membangkitkan perkara itu di mesyuarat WTO di Singapura nanti.

Dalam hubungan ini, menteri-menteri ekonomi G-15 akan menemui rakan sejawatan mereka dari Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Selatan Afrika untuk menyelaraskan pendirian mereka sebelum mesyuarat itu bermula di Singapura. -- Bernama

KGO OBA